



Saudara-saudari yang terkasih dalam Kristus,

Tahun Baru Cina merupakan perayaan sama seperti Krismas, yang sangat dikenali dengan kelengkapan perhiasannya daripada makna tujuan keperluannya. Latar yang dihiasi penuh dengan warna merah, sampul ang pau, bunga api sering dijadikan penanda untuk sambutan tradisi Cina, namun ini semua mungkin merupakan salah satu faktor yang boleh mengalihkan tujuan makna sambutan tersebut – mengeratkan hubungan kekeluargaan. Dari makan malam besar, mengunjungi rumah ke rumah saudara, memberi penghormatan kepada nenek moyang, adat resam sambutan yang pada akhirnya menunjukkan tentang keakraban sesebuah hubungan antara satu sama lain, meskipun dengan yang telah meninggal dunia, yang di mana nilainya tidak dapat diganti dengan harta kekayaan dan kejayaan duniawi.

Tahun Baru Cina, ialah masa penantian kepulangan, yang mengeratkan semula hubungan yang dingin akibat dari perpisahan dan pengasingan isolasi.

Bagi kita, paroki Holy Family, sambutan budaya ini juga merupakan panggilan untuk kembali ke rumah Tuhan, masa untuk berkumpul dengan Tuhan yang telah menyediakan perjamuan Tubuh dan DarahNya, masa di mana anak-anak Tuhan yang lama menghilang dapat bersatu kembali dengan Bapa syurgawi.

Ramai mengakui bahawa dalam tempoh pandemik selama dua tahun ini, telah menguji keimanan kita dan mempersoalkan makna tujuan untuk hadir ke gereja. Kita sering membuat perbandingan antara umat yang mempraktikkan ajaran Katolik dan yang tidak. Oleh demikian, penanda asas yang menentukan samaada umat merupakan katolik yang sejati ialah melalui kehadirannya ke gereja.

Kini akibat dari pandemik, misa dan segala aktiviti keagamaan dilakukan secara maya. Justeru, tidak mengikuti misa walaupun secara maya telah menjadi kategori dosa yang baharu kerana ia juga turut serba memadai dan lengkap sama seperti menghadiri misa secara fizikal.

Kami mengetahui bahawa pertempuran wabak ini masih belum berakhir dan hanya Tuhan yang memegang masa depan, namun pandemik secara teknikal di seluruh negara telah berakhir. Ini merupakan masa untuk bertumbuh, membangun dan memperbaharui hidup kerohanian kita dalam rahmat. Ini adalah masa untuk kembali ke rumah Tuhan.

Dengan ini, pada hari pertama Tahun Baru Cina, kami (paderi) ingin menjemput anda umat paroki Holy Family untuk kembali ke rumah Tuhan!



Kami juga turut menyedari bahawa terdapat segelintir umat yang tidak dapat menghadiri ke gereja atas sebab masalah kesihatan, belum menerima vaksinasi dan atas sebab yang tidak dapat diatasi. Sila pastikan anda masih sebahagian dari paroki Holy Family dan anda tidak keseorangan. Anda tidak pernah ditinggalkan. Tuhan, dengan hati sebagai seorang Bapa, melihat, mendengar, dan memerhatikan anda, umatNya, segala yang hidup, segala kesedihan, penderitaan dan tangisan, Tuhan mengetahuinya. Tuhan telah mengatakan “Aku telah memerhatikan dengan sungguh-sungguh kesengsaraan umat-Ku ... Aku telah mendengar seruan mereka ... Aku mengetahui penderitaan mereka” (Keluaran 3:7)

Bagi mereka yang telah lengkap menerima vaksinasi, dan dos penggalak vaksinasi, anda turut dijemput untuk kembali ke rumah Tuhan. Dalam petikan Ibrani:

“Janganlah kita menjauhkan diri dari pertemuan-pertemuan ibadah kita, seperti dibiasakan oleh beberapa orang, tetapi marilah kita saling menasihati, dan semakin giat melakukannya menjelang hari Tuhan yang mendekat.” (Ibrani 10:25)

恭贺各位兄弟姐妹及你们全家：虎年蒙恩蒙福、身心灵安康及喜乐!

(Saudara-saudari dalam Kristus, mengucapkan kepada anda dan keluarga anda: dipenuhi dengan rahmat berkat dalam Tahun Harimau; diberikan damai sejahtera, kesihatan dan sukacita)

Gembala-mu,  
Paderi Michael Chua, Paderi Philip Chua, Paderi Bonaventure Rayappan dan *Brother* Jonathan Rao  
Hari Pertama Tahun Baru Cina  
01 Februari 2022